



12 Mei 2020
12 May 2020
P.U. (A) 147

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN
TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 6) 2020

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS
DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED
LOCAL AREAS) (NO. 6) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 6) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 6) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 13 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“aktiviti terlarang” ertinya aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual;

“kawasan tempatan jangkitan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan tempatan jangkitan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [*P.U. (A) 87/2020*].

Aktiviti terlarang

3. Tiada seorang pun boleh melakukan, menganjurkan, mengusahakan atau selainnya terlibat dalam, mana-mana aktiviti terlarang.

Kawalan pergerakan di dalam kawasan tempatan jangkitan

4. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), seseorang boleh bergerak dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan.

(2) Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari suatu tempat yang tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan diperketat kecuali mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan jagaan kesihatan dan perubatan atau yang diberikan kebenaran oleh pegawai diberi kuasa.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), “perintah kawalan pergerakan diperketat” merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3) Akta.

Kawalan pergerakan di dalam Negeri Sarawak

5. (1) Walau apa pun peraturan 4, tiada seorang pun boleh bergerak dari satu daerah ke suatu daerah yang lain di dalam Negeri Sarawak.

(2) Jika kerana sebab khas dan tertentu seseorang perlu bergerak dari satu daerah ke suatu daerah yang lain di dalam Negeri Sarawak, orang itu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan tempat tinggalnya.

Kawalan pergerakan di antara kawasan tempatan jangkitan

6. (1) Tiada seorang pun boleh bergerak dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain kecuali untuk pergi dan balik kerja.

(2) Jika pasangan suami isteri tinggal di kawasan tempatan jangkitan yang berbeza, salah seorang daripada pasangan itu boleh bergerak, dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan tempat tinggalnya, ke tempat tinggal pasangannya di kawasan tempatan jangkitan yang lain itu.

(3) Jika kerana sebab khas dan tertentu seseorang perlu bergerak dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain, orang itu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan tempat tinggalnya.

Larangan berhimpun dan berarak

7. (1) Tiada seorang pun boleh dalam apa-apa cara menyertai atau terlibat dalam apa-apa perhimpunan atau perarakan, sama ada bagi maksud ekonomi, keagamaan, pendidikan dan pembelajaran, sukan, rekreasi, sosial atau kebudayaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang boleh berhimpun atau terlibat dalam suatu perhimpunan—

(a) bagi Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai Dayak tertakluk kepada apa-apa arahan Ketua Pengarah; atau

(b) bagi pengebumian, dengan syarat orang yang hadir ke pengebumian itu tidak melebihi dua puluh.

Negeri Selangor, Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai satu kawasan tempatan jangkitan

8. Bagi maksud peraturan 4 dan 6 dan subperaturan 7(2), Negeri Selangor dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya hendaklah dikira sebagai satu kawasan tempatan jangkitan.

Kenderaan persendirian

9. Mana-mana orang yang memandu kenderaan persendirian tidak boleh membawa lebih daripada tiga penumpang dan penumpang itu hendaklah orang yang tinggal serumah dengannya.

Pengangkutan awam

10. (1) Seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara untuk membawa penumpang hendaklah memastikan pengangkutan awam yang berhubungan dengan lesen atau permitnya tidak membawa lebih daripada separuh jumlah kapasiti maksimum bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam pengangkutan awam itu bagi setiap perjalanan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang pemandu kereta sewa, teksi, teksi lapangan terbang, teksi mewah atau kenderaan *e-hailing* tidak boleh membawa lebih daripada dua penumpang bagi setiap perjalanan.

(3) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi maksud peraturan 11.

Pengangkutan awam udara ke Negeri Sabah atau Sarawak dari Semenanjung Malaysia dan sebaliknya

11. (1) Seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam udara untuk membawa penumpang hendaklah memastikan pengangkutan awam itu tidak membawa lebih daripada enam puluh enam persepuluh enam peratus jumlah maksimum faktor beban pengangkutan awam itu yang boleh dibawa di dalam pengangkutan awam itu bagi setiap perjalanan penerbangan berjadual dari Negeri Sabah atau Sarawak ke Semenanjung Malaysia.

(2) Seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam udara untuk membawa penumpang boleh membawa jumlah kapasiti maksimum bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam pengangkutan awam itu bagi setiap perjalanan penerbangan berjadual dari Semenanjung Malaysia ke Negeri Sabah atau Sarawak.

(3) Seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam udara untuk membawa penumpang boleh membawa jumlah kapasiti maksimum bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam pengangkutan awam itu bagi setiap perjalanan penerbangan tidak berjadual dari Semenanjung Malaysia ke Negeri Sabah atau Sarawak, jika kesemua penumpang itu adalah pelajar di Semenanjung Malaysia yang pulang ke Negeri Sabah atau Sarawak.

Kehendak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia

12. Seseorang warganegara, pemastautin tetap Malaysia atau ekspatriat yang pulang dari luar negara hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia sebelum mendapatkan pelepasan imigresen di mana-mana pintu masuk dan hendaklah mematuhi apa-apa arahan seseorang pegawai diberi kuasa.

Permintaan maklumat

13. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit daripada mana-mana orang atau kumpulan orang.

Arahan Ketua Pengarah

14. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau kumpulan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit termasuk apa-apa arahan kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang melakukan, menganjurkan, mengusahakan, atau yang selainnya terlibat dalam, apa-apa aktiviti selain aktiviti terlarang.

Kesalahan

15. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan
- (b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan
 - (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelaksanaan kesalahan itu.

Persidangan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri

16. Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam Peraturan-Peraturan ini, seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri boleh menghadiri masing-masing persidangan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Peruntukan peralihan

17. Semua arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 5) 2020 [*P.U. (A) 136/2020*] hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa melainkan jika dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

JADUAL
AKTIVITI TERLARANG
[Peraturan 2]

1. Aktiviti hiburan, riadah, sukan dan rekreasi yang boleh menyebabkan ramai orang berhimpun
2. Aktiviti di dalam pub dan kelab malam, termasuklah perniagaan restoran di dalam pub dan kelab malam
3. Aktiviti yang berhubungan dengan perayaan keagamaan, kebudayaan dan kesenian yang boleh menyebabkan ramai orang berhimpun
4. Aktiviti perniagaan yang boleh menyebabkan ramai orang berhimpun
5. Aktiviti pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib seperti judi, nombor ramalan, mesin slot dan perjudian atau pertaruhan lumba kuda, dan aktiviti di dalam kasino
6. Aktiviti di penginapan berpusat pekerja, hostel dan asrama pekerja yang boleh menyebabkan ramai orang berhimpun
7. Menyedang pakaian, penggunaan bilik acu di dalam kedai pakaian, mencuba aksesori fesyen di dalam kedai dan menyediakan sampel penguji kosmetik di dalam kedai
8. Perkhidmatan di kedai gunting rambut dan salun kecantikan
9. Penggambaran filem, drama, dokumentari dan iklan
10. Aktiviti kapal persiaran, perkhidmatan pelancongan, dan perkhidmatan di premis penginapan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*]

11. Aktiviti pemasangan dan penyenggaraan jentera (lif, eskalator, dandang dan lain-lain) dan kren menara di tapak bina secara berkumpulan yang boleh menyebabkan berlakunya perhimpunan
12. Peperiksaan Teori dan Amali Pembedil (Peletupan) bagi industri perlombongan dan pengkuarian
13. Pensijilan bagi agrikomoditi
14. Aktiviti industri perkhidmatan kewangan dan perbankan, yang melibatkan urus niaga jualan dan pemasaran, bukan di dalam premis institusi kewangan dan bank, atau di tempat awam
15. Aktiviti komersial yang melibatkan urus niaga jualan dan pemasaran bukan di dalam premis perniagaan, atau di tempat awam, tidak termasuk perniagaan makanan di medan selera, pusat penjaja, gerai makan, trak makanan, dan seumpamanya

Dibuat 12 Mei 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 6) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 6) Regulations 2020**.

(2) These Regulations have effect for the period from 13 May 2020 to 9 June 2020.

Interpretation

2. In these Regulations—

“prohibited activity” means the activity specified in the Schedule;

“infected local area” means any area declared to be an infected local area under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020 [*P.U. (A) 87/2020*].

Prohibited activity

3. No person shall carry out, organize, undertake or otherwise be involved in, any prohibited activity.

Control of movement within infected local area

4. (1) Subject to subregulation (2), a person may move from one place to another place within any infected local area.

(2) No person shall enter into or exit from a place that is subject to an enhanced movement control order except any person who is providing healthcare and medical services or is given permission by an authorized officer.

(3) For the purposes of subregulation (2), “enhanced movement control order” refers to a direction given by an authorized officer under subsection 11(3) of the Act.

Control of movement within the State of Sarawak

5. (1) Notwithstanding regulation 4, no person shall move from one district to another district within the State of Sarawak.

(2) Where due to a special and particular reason a person needs to move from one district to another district within the State of Sarawak, that person shall obtain prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to his residence.

Control of movement between infected local areas

6. (1) No person shall move from one infected local area to another infected local area except to and from work.

(2) Where spouses are residing in different infected local areas, one spouse may move, with prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to his or her residence, to the residence of his or her spouse in the other infected local area.

(3) Where due to a special and particular reason a person needs to move from one infected local area to another infected local area, that person shall obtain prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to his residence.

Control of gathering and procession

7. (1) No person shall in any way participate or be involved in any gathering or procession, whether for economic, religious, educational and learning, sports, recreational, social or cultural purposes.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a person may gather or be involved in a gathering—

(a) for Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan and Gawai Dayak Day subject to such directions of the Director General; or

(b) for a funeral, on the condition that the attendance at such funeral shall not exceed twenty.

State of Selangor, Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya as one infected local area

8. For the purposes of regulations 4 and 6 and subregulation 7(2), the State of Selangor and the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya shall be reckoned as one infected local area.

Private vehicle

9. Any person driving a private vehicle shall not carry more than three passengers and such passengers shall be persons staying in the same house as him.

Public transport

10. (1) A holder of any land, sea or air public transport licence or permit to carry passengers shall ensure that the public transport relating to his licence or permit does not carry more than half of the total maximum capacity of the number of passengers that may be carried on board the public transport for each journey.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a driver of a hire car, a taxi cab, an airport taxi cab, a limousine taxi cab or an *e-hailing* vehicle shall not carry more than two passengers for each journey.

(3) Subregulation (1) shall not apply for the purposes of regulation 11.

Air public transport to the State of Sabah or Sarawak from Peninsular Malaysia and vice versa

11. (1) A holder of any air public transport licence or permit to carry passengers shall ensure that the air public transport does not carry more than sixty six point six per centum of the total maximum of load factor of the air public transport that may be carried on board the air public transport for each journey of a scheduled flight from the State of Sabah or Sarawak to Peninsular Malaysia.

(2) A holder of any air public transport licence or permit to carry passengers may carry the total maximum capacity of the number of passengers that may be carried on board the air public transport for each journey of a scheduled flight from Peninsular Malaysia to the State of Sabah or Sarawak.

(3) A holder of any air public transport licence or permit to carry passengers may carry the total maximum capacity of the number of passengers that may be carried on board the air public transport for each journey of a non-scheduled flight from Peninsular Malaysia to the State of Sabah or Sarawak, where all of the passengers are students in Peninsular Malaysia returning to the State of Sabah or Sarawak.

Requirement to undergo health examination upon arrival in Malaysia

12. A citizen, a permanent resident of Malaysia or an expatriate returning from overseas shall undergo health examination upon arrival in Malaysia before proceeding for immigration clearance at any point of entry and shall comply with any direction of an authorized officer.

Request for information

13. An authorized officer may request for any information relating to the prevention and control of infectious disease from any person or body of persons.

Direction of Director General

14. The Director General may issue any direction in any manner, whether generally or specifically, to any person or group of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious disease including any direction to any person or group of persons carrying out, organizing, undertaking, or who is otherwise involved in, any other than a prohibited activity.

Offence

15. (1) Any person who contravenes any provision of these Regulations or any direction of the Director General or an authorized officer commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) Where any person who commits an offence under these Regulations is a company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons, a person who at the time of the commission of the offence was a director, compliance officer, partner, manager, secretary or other similar officer of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was purporting to act in the capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was assisting in its management—

(a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons; and

(b) if the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence and shall be liable to the same punishment or penalty as an individual unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—

- (i) that the offence was committed without his knowledge; and
- (ii) that the offence was committed without his consent or connivance and that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

Sitting of Parliament or State Assembly

16. Notwithstanding anything to the contrary in these Regulations, a Member of Parliament or a Member of a State Assembly may attend a sitting of Parliament or State Assembly, respectively.

Transitional provision

17. All directions of the Director General issued under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 5) Regulations 2020 [*P. U. (A) 136/2020*] shall be deemed to have been made under these Regulations and shall continue to remain in force unless revoked by the Director General.

SCHEDULE PROHIBITED ACTIVITY [Regulation 2]

1. Entertainment, leisure, sports and recreational activities which may cause a crowd to gather
2. Activities in pubs and night clubs, including restaurant business in pubs and night clubs
3. Activities relating to religious, cultural and art festivities which may cause a crowd to gather
4. Business activities which may cause a crowd to gather

5. Betting, sweepstake, lottery, gaming machine or games of chance activities such as gambling, number forecast, slot machine and horse racing gambling or betting, and activities in casino
6. Activities at a centralized labour quarters, employees' hostel and dormitory which may cause a crowd to gather
7. Fitting of clothes, using fitting rooms in clothes stores, trying on fashion accessories in stores and providing cosmetic testers in stores
8. Services in barbershops and beauty salons
9. Filming movies, dramas, documentaries and advertisements
10. Cruise ship activities, tourism services, and services at accommodation premises under the Tourism Industry Act 1992 [*Act 482*]
11. Installation and maintenance of machinery activities (lift, escalator, boiler and others) and tower crane at construction sites in groups which may cause a gathering
12. Theory and Practical Examinations for Shot-firer (Blasting) for mining and quarrying industry
13. Certification for agri commodities
14. Activities of financial services industry and banking, involving sales and marketing, not within the premises of financial institutions and banks, or in public places
15. Commercial activities involving sales and marketing not within business premises, or in public places, not including food business at food courts, hawker centres, food stalls, food trucks, and the like

Made 12 May 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health